

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

MESYUARAT PELAKSANAAN KAJIAN INDEKS MEMBACA WARGA UNIVERSITI

Puncak Perdana – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Fakulti Sains Maklumat (FSM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengadakan satu mesyuarat perbincangan berkaitan pelaksanaan Kajian Indeks Membaca Warga UiTM pada 7 Januari 2026, bertempat di Bilik Mesyuarat Fakulti Sains Maklumat, UiTM Puncak Perdana.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dekan Fakulti Sains Maklumat (FSM) UiTM, Profesor Madya Ts. Dr. Norhayati Hussin, dan turut dihadiri oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan, Encik Ahmad Zuber, serta barisan pensyarah Fakulti Sains Maklumat dan pegawai Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Agenda utama mesyuarat adalah pembentangan cadangan pelaksanaan Kajian Indeks Membaca Warga UiTM yang telah dibentangkan oleh Encik Mohd Ismail Abidin.

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap amalan membaca dalam kalangan warga universiti sebagai satu inisiatif strategik bagi menyokong pemerkasaan program Galakan Membaca, budaya ilmu dan pembangunan masyarakat berpengetahuan di UiTM.

Selain itu, mesyuarat turut membincangkan halatuju kajian, pembangunan profil pengguna, penetapan Terma Rujukan (TOR) membaca, serta potensi mendapatkan geran penyelidikan bagi menyokong pelaksanaan kajian ini secara berfasa dan berimpak tinggi.

Hasil kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada penjana pengetahuan baharu, menjadi asas kepada perancangan strategik perpustakaan dan universiti, serta menghasilkan satu Indeks Membaca Universiti yang boleh dijadikan penanda aras tahap Membaca dalam kalangan warga Universiti.



Lebih 1,000 Naskhah Buku Sumbangan YBhg. Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham Diterima PTAR

7 Januari 2026 | Jeram, Kuala Selangor – Sebanyak 100 kotak buku yang mengandungi lebih 1,000 naskhah hasil sumbangan YBhg. Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham, Mantan Hakim Mahkamah Persekutuan telah berjaya diambil dari Jeram, Kuala Selangor untuk diserahkan kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), baru-baru ini.

Operasi pengambilan buku tersebut telah diketuai oleh Encik Abdul Razak Abdul Rahman dan dibantu oleh empat orang petugas iaitu Encik Muhammad Nazri bin Azli, Encik Remie bin Salleh Udin, Encik Mohammad Faiz bin Pakir Mohamad dan Encik Mohamad Salim bin Ali yang memastikan semua kotak buku dipindahkan dengan selamat dan teratur.

Setibanya di PTAR Undang-Undang, kesemua 100 kotak buku berkenaan telah diangkat dan disusun di Perpustakaan Tun Abdul Razak Undang-Undang (PTUU) dengan kerjasama enam orang kakitangan Perpustakaan iaitu Encik Muhammad Nur Azri Bin Salmi, Encik Herman Bin Tanbeh, Encik Md Haizar Bin Jamian, Encik Khairil Isrun Bin Abdullah Sani, Encik Zulfadhli Bin Sihah dan Mohd Sihabudin bin Che Ishak @ Ramli. Proses pemindahan dan penyusunan berjalan lancar.

Sumbangan buku-buku tersebut memberi nilai tambah yang besar kepada koleksi PTAR, khususnya dalam memperkaya sumber rujukan akademik dan bacaan ilmiah dalam bidang undang-undang untuk pelajar serta penyelidik.

Pihak PTAR merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Dr. Prasad Sandosham Abraham atas sumbangan yang berharga ini, serta kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan proses pengambilan dan penyerahan buku tersebut.





@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

*Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam*